

17/02/1998

Mengamal konsep makmurkan jiran

SEBAGAI negara berjiran, Malaysia dan Singapura terdedah kepada pelbagai perkara sensitif yang boleh merenggangkan hubungan yang sedia terjalin. Ini terbukti dengan beberapa kenyataan lalu yang menyebabkan kedua-dua negara bermasam muka. Walaupun secara luaran, kedua-dua negara nampaknya intim tetapi di hati ia terguris. Bagi kita, perkara seperti ini perlulah dielakkan demi mewujudkan persefahaman yang berkekalan. Kita perlu menerima hakikat kedua-dua negara saling bergantung sesama sendiri dalam banyak bidang. Rakyat Malaysia dan Singapura yang kerap berkunjung antara satu dengan lain disebabkan lokaliti kedua-dua negara hanya dipisahkan Tambak Johor dan kegiatan rakyat kedua-dua negara. Ia bukan saja untuk kegiatan ekonomi, malah perhubungan persaudaraan. Perhubungan fizikal seperti ini berlaku hampir setiap hari.

Kita tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan perasaan kecil hati, apatah lagi apabila berlaku tindak balas rakyat. Bagaimanapun, kita bernasib baik kerana kedua-dua negara berkongsi sejarah. Oleh itu, sebarang pertikaian hanya diibarat 'carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum semula'. Kita bersyukur hubungan yang agak tegang antara kedua-dua negara berikutan kenyataan Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew mengenai kadar jenayah di Johor tahun lalu, pulih semula. Ini adalah hasil rundingan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya, Goh Chok Tong di sini, semalam. Sebelum itu, Lee juga menuduh Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi. Dengan pertemuan itu, kita menganggap isu itu sudah dapat diselesaikan sepenuhnya dengan baik dan pastinya mesej untuk kedua-dua negara - jangan lagi ulangi perbuatan yang boleh mengeruhkan hubungan.

Sebagai negara yang masing-masing mempunyai kekuatan dan kelemahannya, kita berharap pada masa akan datang kedua-dua pihak tidak lagi membuat kenyataan yang menggambarkan taraf negara jiran lebih rendah. Setiap kenyataan dan tindakan perlulah dihitung dari sudut implikasinya. Bila bercakap mengenai negara jiran, ia haruslah berlandaskan sentimen rakyat. Daripada perbalahan antara kedua-dua negara, kita tidak nampak sebarang kebaikan daripadanya. Sebaliknya, kita sendirilah mempertikaikan semangat Asean yang dipersetujui bersama. Di mana lagi kekuatan Asean, jika negara anggotanya asyik menghentam antara satu dengan lain. Jika ada sebarang perkara yang hendak dibangkitkan, lakukan menerusi rundingan. Rundingan antara kedua-dua pemimpin di Kuala Lumpur semalam dan sebelum ini di Singapura, membuktikan kedua-dua negara sanggup menyelesaikan masalah dengan baik. Cuma, hubungan mesra yang terjalin itu terganggu seketika.

Bagi kedua-dua negara, kita tidak mahu kepentingan diplomasi terhakis jika salah satu daripada negara berkenaan terlalu mengagung-agungkan kejayaan hingga lupa bahawa kita menyentuh sentimen negara jiran. Kesan percanggahan pendapat tidak memberi sedikit pun faedah kepada rakyat, apatah lagi kedua-dua negara dihuni oleh rakyat daripada keturunan yang sama. Hari ini, takrif kejayaan bukan saja diukur berasaskan kemajuan, pembangunan dan pendapatan negara semata-mata, tetapi meliputi kesejahteraan sosial masyarakat. Kita ingin mengingatkan kemakmuran kedua-dua negara adalah hasil kesejahteraan hidup berjiran. Jika asyik bercakapan, tidak ada orang yang menghormati kita.

Kita sudah pun mengakui hubungan Malaysia dan Singapura mudah terjejas dan oleh itu sebarang tindakan yang boleh menyinggung perasaan haruslah dielakkan. Kita bimbang pertentangan pendapat akan dipanaskan oleh pihak

yang berkepentingan. Walaupun, percakapan hanyalah berlaku sebagai `perang mulut' namun sebagai negara jiran yang paling rapat, perasaan rakyat turut terguris. Pada kita keadaan ini berlaku disebabkan cara kita melihat hubungan kedua-dua negara dalam konteks saingan ekonomi. Kedua-dua negara dianggap cuba melakukan sesuatu yang lebih baik untuk negara mereka. Dalam proses itu sama ada secara sedar atau tidak, ia mengguris perasaan jiran. Persaingan memang digalakkan tetapi kita tidak boleh melihat kepentingan kita semata-mata hanya disebabkan kebimbangan terhadap tahap kejayaan negara jiran. Kita berpegang kepada konsep `memakmurkan negara jiran' kerana kemakmuran akan menyebabkan kita sendiri mendapat faedahnya. Sebaliknya, jika cuba melemahkan negara jiran, kita sendiri akan menerima kesan buruknya. Pada masa akan datang kita harapkan kedua-dua negara rujuk-merujuk antara satu dengan lain jika ada perkara yang dianggap boleh menyinggung perasaan jiran.

(END)